

Headline	UNTUNG RUGI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	24,25
ArticleSize	1663 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 196,536		




HARIAN METRO

10 Februari
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengisytiharkan 6.9 peratus kadar dividen untuk Simpanan Konvensional 2017 membabitkan jumlah agihan sebanyak RM44.15 bilion.
Pemilik akaun Simpanan Syariah yang mula diperkenalkan pada 8 Ogos 2016 pula menerima dividen berkadar 6.4 peratus dengan agihan RM3.98 bilion.

12 Mei
Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pembentukan Majlis Penasihat Kerajaan yang bertindak menasihati kerajaan mengenai ekonomi dan kewangan ketika proses peralihan kuasa.
Majlis itu diterajui bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin bersama ahli lain iaitu bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, bekas Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican, tokoh korporat, Tan Sri Robert Kuok dan ahli ekonomi terkemuka negara, Prof Dr Jomo Kwame Sundaram.

1 Jun
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dimansuhkan dan cuti cukai bermula. Pada 1 September, Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dikuatkuasakan.

6 Jun
Tan Sri Muhammad Ibrahim menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) selepas dilantik pada 1 Mei 2016 sebagai gabenor kelapan.

21 Jun
Kabinet meneruskan projek pembangunan Tun Razak Exchange (TRX) walaupun lebih RM3 bilion dana kerajaan untuk TRX City Sdn Bhd (TRXC) diselewengkan IMalaysia Development Bhd (IMDB).
Kerajaan bersetuju menyiapkan projek TRX dengan member dana tidak lebih RM2.8 bilion kepada TRXC.

30 Jun
Tan Sri Abdul Wahid Omar bersara sebagai Pengerusi kumpulan PNB dan Pemegang Amanah Yayasan Petaburan Bumiputera (YPB). Tan Sri Zeti Akhtar Aziz dilantik sebagai Pengerusi PNB baharu.

1 Julai
Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) berkuat kuasa 1 Julai 2018.

12 Julai
Kabinet bersetuju projek Transit Aliran Ringan 3 (LRT3) diteruskan dengan kos akhir RM16.63 bilion iaitu 47 peratus lebih rendah berbanding kos asal RM31.65 bilion. Nilai kos akhir itu dapat menjimatkan RM15.02 bilion.

26 Julai
Khazanah Nasional Bhd mengesahkan semua ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengarah Urusan, Tan Sri Azman Mokhtar menawarkan diri meletak jawatan.
Khazanah Nasional memaklumkan tawaran dibuat bagi membantu memudahkan peralihan teratur di bawah kerajaan Pakatan Harapan.
Datuk Shahril Ridza Ridzuan dilantik sebagai Pengarah Urusan yang baharu.

UNTUNG RUGI


Dunia korporat dan perniagaan menyaksikan berlakunya perubahan mendadak kepada sesuatu organisasi sepanjang 2018.
Peletakan jawatan, pelantikan baharu dan skandal kewangan antara insiden mewarnai dunia bisnes selain perubahan dasar yang menyebabkan sedikit kacau-bilau dalam pasaran saham.
Tahun ini juga turut menyaksikan perubahan kepimpinan negara yang secara tidak langsung memberi kesan kepada beberapa tampuk pengurusan tertinggi khususnya bagi syarikat berkaitan kerajaan (GLC).



MAJLIS PENASIHAT KERAJAAN







Tun Daim Zainuddin,
Tan Sri Zeti Akhtar Aziz,
Tan Sri Hassan Merican,
Tan Sri Robert Kuok,
Dr Jomo Kwame Sundaram

Headline	UNTUNG RUGI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	24 Dec 2018	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Setempat	Page No	24,25
ArticleSize	1663 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 196,536		



DR Mahathir Mohamad dan Isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali melancarkan Proton X70 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.



EAST COAST RAIL LINK
Kuala Lumpur to Johor Bahru
100 KILOMETRES

21 Ogos
Kerajaan memutuskan untuk membatalkan pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Saluran Paip Gas Trans-Sabah (TSGP).

5 September
Malaysia dan Singapura menandatangani Surat Sampungan Projek Rel Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) bagi persetujuan bersama menangguhkan projek berkenaan selama dua tahun sehingga Mei 2020.



12 September
Khidmat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan FGV Holdings Bhd, Datuk Zakaria Arshad sebagai pengarah syarikat itu ditamatkan serta-merta.



23 November
FGV Holdings Bhd (FGV) mengemukakan saman RM51.4 juta serta ganti rugi lain terhadap bekas Presiden Dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Emir Mavani Abdullah dan 13 yang lain berhubung pemerolehan Asia Plantation Ltd (APL) pada 2014.



MOHAMED Azmin Ali bersalam bersama Menteri Pengangkutan Singapura, Khaw Boon Wan selepas menandatangani surat penangguhan projek HSR di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.



30 November
Lembaga Tabung Haji (TH) membuat dua laporan polis terhadap bekas Pengerusinya Datuk Seri Abdul Azeez Rahim, dua bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Tan Sri Ismee Ismail dan Datuk Seri Johan Abdullah serta pengurusan kanannya. Pengurusan kanannya ialah Ketua Pegawai Operasi, Datuk Adi Azuan Abdul Ghani, Ketua Pegawai Kewangan, Datuk Rozaida Omar, Penasihat Undang-Undang, Hazlina Mohd Khalid dan Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat dan Hartanah, Rifina Md Ariff.



10 Disember
Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, ketika sidang media di Parlimen memaklumkan Tabung Haji (TH) menanggung liabiliti RM74.4 bilion berbanding nilai aset keseluruhan RM70.3 bilion, sekali gus menunjukkan defisit sebanyak RM4.1 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Pemberian hibah (bonus) kepada pendeposit oleh TH sejak 2014 pula dilaporkan bercanggah dengan Akta Lembaga Tabung Haji 1995, sehingga menyebabkan agensi itu mengalami defisit.



12 Disember
Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad melancarkan kenderaan utiliti sukan (SUV) pertama Proton Holdings Bhd (PROTON) yang dikenali sebagai Proton X70. Proton X70 adalah model pertama yang dihasilkan secara bersama oleh PROTON dan Zhejiang Geely Holding Group Co Ltd (Geely) serta menjadi SUV premium pertama dikeluarkan oleh jenama automotif Malaysia.

Melaka dipilih Tenaga Nasional Bhd (TNB) sebagai negeri perintis sistem rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kemudahan teknologi fiber optik di bawah projek Pelan Perhubungan Antarabangsa (NCP). Sebagai permulaan, sebanyak 1,100 kediaman di tiga kawasan di Jasin dipilih bagi projek perintis terbahit. Malah, Huanwei Technologies Co Ltd juga terbuka dengan potensi untuk bekerjasama dengan TNB bagi melaksanakan projek infrastruktur HSBB di negara ini. Kerjasama antara syarikat utiliti dan telekomunikasi membolehkan perkhidmatan jalur lebar ditawarkan pada harga lebih rendah.

PENGERUSI TNB, Tan Sri Leo Moggie (dua dari kanan) menghadiri majlis pengumuman projek rintis TNB bagi menjayakan NCP di Jasin.